

NEWSLETTER

MSC & CTSB

AUTHOR: NUR SYAFIQAH MAAROF

EDITOR: SITI AMIRA AISYAH



1. LATIHAN CHATGPT & CANVA MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI (MDKT)

10/02/2026 (SELASA)

Satu sesi Latihan ChatGPT dan Canva telah berjaya dilaksanakan bersama warga kerja Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) pada 10 Februari 2026 (Selasa) bertempat di Bilik Latihan MPC, Bandar Baru Uda, dari jam 10 pagi sehingga 5 petang. Latihan ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan aplikasi reka bentuk digital bagi meningkatkan kecekapan serta kreativiti dalam tugas harian.



Sesi latihan ChatGPT telah dikendalikan oleh Ts. Yusuf, yang berkongsi kaedah penggunaan AI dalam membantu penyediaan draf dokumen, penulisan laporan, penjanaaan idea serta meningkatkan produktiviti kerja. Manakala sesi Canva pula dikendalikan oleh Aisyah, yang memberi tunjuk ajar kepada peserta dalam menghasilkan bahan visual seperti poster, infografik dan slaid pembentangan secara lebih menarik dan profesional.

Latihan ini mendapat sambutan yang amat baik daripada para peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan MDKT. Melalui pendekatan latihan secara praktikal dan interaktif, peserta berpeluang mencuba sendiri penggunaan kedua-dua platform tersebut bagi menyokong tugas kerja harian.

2. SESI USER REQUIREMENT STUDY (URS) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

10/02/2026 (SELASA) - 13/02/2026 (JUMAAT)



Satu sesi User Requirement Study (URS) bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah dilaksanakan bermula pada 10 Februari 2026 (Selasa) hingga 13 Februari 2026 (Jumaat).

Sesi ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti serta mendapatkan keperluan pengguna secara terperinci bagi memastikan pembangunan dan pelaksanaan sistem dapat memenuhi proses kerja serta keperluan operasi pihak MBSJ. Sepanjang sesi ini, perbincangan telah dijalankan bersama pegawai dan kakitangan daripada jabatan-jabatan berkaitan bagi memahami aliran kerja sedia ada, cabaran yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan melalui sistem yang bakal dibangunkan.

Melalui sesi URS ini, input dan maklum balas daripada pihak pengguna telah direkodkan dan dianalisis bagi memastikan spesifikasi sistem yang dibangunkan lebih tepat, efisien dan selaras dengan keperluan sebenar organisasi.

Diharapkan hasil daripada sesi ini dapat membantu memperkukuh proses pembangunan sistem serta menyokong usaha transformasi digital dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan di Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

3. POTLUCK BERSAMA STAF MSC & CTSB SEBELUM BULAN RAMADHAN

12/02/2026 (KHAMIS)

Satu sesi potluck bersama staf MSC dan CTSB telah diadakan pada 12 Februari 2026 (Khamis) sebagai satu aktiviti santai bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja kedua-dua organisasi sebelum menjelang bulan Ramadhan.

Program ini diadakan dalam suasana yang santai dan penuh kemesraan, di mana para staf membawa pelbagai juadah untuk dikongsi bersama. Aktiviti ini bukan sahaja memberi peluang kepada staf untuk berinteraksi di luar suasana kerja, malah turut memupuk semangat kerjasama, kekitaan serta hubungan yang lebih erat antara rakan sekerja.



Diharapkan aktiviti seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengukuhkan lagi hubungan silaturahim serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni dan positif.

4. MESYUARAT BERKENAAN DENGAN SISTEM PEMANTAUAN OPERASI TUNGGAKAN CUKAI HARTA (SPOTCH) MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)

25/02/2026 (RABU)

Satu mesyuarat berkaitan Sistem Pemantauan Operasi Tunggakan Cukai Harta (SPOTCH) bersama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah diadakan pada 25 Februari 2026 (Rabu). Mesyuarat ini bertujuan membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan, pemantauan serta keperluan sistem bagi membantu pihak MBIP dalam mengurus dan memantau tunggakan cukai harta dengan lebih sistematik dan efisien.

Perbincangan turut meliputi status semasa pelaksanaan sistem, penjelasan berkaitan tempoh pelaksanaan projek, serta perkara-perkara yang memerlukan tindakan lanjut bagi memastikan penyelesaian dapat dicapai secara bersama antara pihak yang terlibat.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil daripada CTSB iaitu Pn Arina, Fyqa Maarof, Zawanah dan Siti Khairatul, bersama pegawai daripada pihak MBIP yang terlibat dalam pengurusan hasil dan pemantauan tunggakan cukai harta.

Diharapkan melalui sesi perbincangan ini, pelaksanaan sistem SPOTCH dapat membantu meningkatkan kecekapan pemantauan tunggakan cukai harta serta menyokong usaha penambahbaikan pengurusan hasil di pihak MBIP.